



KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/JIId. 4 (6)  
27 April 2011

Semua Pengarah  
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 3 TAHUN 2011**  
**PERATURAN BERKENAAN RAMBUT DAN PEMAKAIAN STEEL BANGLE**  
**(KARA) OLEH MURID-MURID KETURUNAN SIKH**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pengarah Pelajaran Negeri, Pegawai Pelajaran Daerah serta semua Pengetua dan Guru Besar akan persetujuan Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap peraturan berkenaan rambut dan pemakaian Steel Bangle (Kara) oleh murid-murid keturunan Sikh.

2. Pada dasarnya tujuan garis panduan serta peraturan bagi pakaian serta kekemasan diri murid di sekolah adalah untuk keseragaman dan tidak dibezakan berdasarkan kaum. Namun, Kementerian Pelajaran Malaysia juga amat memahami akan sensitiviti terhadap keperluan agama, adat serta kepercayaan sesuatu kaum di negara ini. Bagi murid-murid berketurunan Sikh, adalah **TIDAK DILARANG** sekiranya mereka memakai **Serban** atau **Jura** mengikut kepercayaan dan agama mereka semasa di sekolah. Dalam hal yang demikian, murid-murid lelaki, guru-guru dan kakitangan lain yang berketurunan Sikh boleh berambut panjang jika mereka memakai Serban atau Jura tetapi yang tidak berserban atau memakai Jura, peraturan mengenai rambut adalah tertakluk kepada arahan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976**. Dalam hal ini juga, peraturan bagi penyimpanan misai dan janggut semua murid masih tertakluk kepada arahan surat pekeling tersebut.

4. Kementerian Pelajaran Malaysia juga bersetuju membenarkan pemakaian **Steel Bangle** (Kara) oleh murid-murid, guru-guru dan kakitangan lain yang berketurunan Sikh berdasarkan pegangan agama bagi kaum Sikh. Namun bagi murid-murid sekolah berketurunan Sikh, kebenaran ini adalah tertakluk sekiranya pemakaian **Steel Bangle** (Kara) dikehendaki oleh ibu bapa/penjaga mereka.

5. Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya serta memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

  
**DATO' ABD. GHAFAR BIN MAHMUD**

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s. k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Mohd. Yassin  
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran
2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri pelajaran
3. YB Datuk Dr. Mohd Puad Bin Zarkashi  
Timbalan Menteri Pelajaran
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti  
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pelajaran Malaysia